

27 JUN 2004

Malaysia-Tinjauan

WARGA M'SIA MINATI BOLA SEPAK, MUAK DENGAN BUSH DAN SHARON

Oleh: Ravichandran D.J Paul

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Satu tinjauan yang dijalankan di

kalangan rakyat Malaysia mendapati sukan yang mereka minati ialah bola

sepak dan pemimpin yang mereka bosan ialah Presiden Amerika Syarikat George

W.Bush dan Perdana Menteri Israel Ariel Sharon.

Tinjauan itu yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada April lepas terhadap 1,140 responden yang

dipilih secara rambang dari Semenanjung juga mendapati rakyat Malaysia

tidak suka dengan beberapa lagi pemimpin dan perempuan pula lebih berminat

dalam lima acara sukan berbanding lelaki.

Ketua Pusat Penyelidikan Prof. Datuk Dr Syed Arabi Idid yang menyelaraskan tinjauan itu berkata dalam tinjauan terbuka itu responden

ditanya mengenai pemimpin antarabangsa yang mereka paling tidak suka.

Ada juga yang mencalonkan Perdana Menteri Britain Tony Blair, Pemimpin

Iraq Saddam Hussein, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, Presiden

Indonesia Megawati Sukarnoputri dan sehinggakan bekas Perdana Menteri

Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad, tetapi peratusnya adalah kecil.

Yang sebenarnya menjadi sasaran mereka ialah Bush dengan 54 peratus

responden mencalonkan beliau, diikuti Sharon 12 peratus dan 5 peratus bagi

Saddam, katanya.

Sampel kajian itu terdiri daripada 805 responden Melayu, 273 Cina, 62

India dan lain-lain dengan bilangan mereka mewakili komposisi kaum. Hampir

separuh daripada responden dalam tinjauan ini adalah wanita.

Sebahagian besar `pencalonan' bagi Bush datang daripada responden

Melayu (61 peratus) diikuti oleh India dan lain-lain (62 peratus) dan Cina

(35 peratus).

Menurut Syed Arabi, kedua-dua pemimpin itu juga mendahului senarai

orang yang tidak disukai dalam dua lagi tinjauan yang dijalankan

oleh UIAM  
pada Oktober dan Januari lepas.

Dalam satu lagi sampel tertutup dengan saiz yang sama, dengan hanya 479 lelaki dan 363 wanita memberi maklumat balas, Syed Arabi berkata mereka ditanya mengenai sukan yang paling digemari daripada tujuh acara yang disenaraikan - bola sepak, badminton, bola jaring, tenis, bola tampar, renang dan gusti.

Bola sepak menjadi pilihan mereka dengan 32 peratus daripada responden memilihnya. Acara sukan berikut ialah badminton (17 peratus), dan seterusnya bola jaring (tujuh peratus).

Tinjauan itu juga menunjukkan kaum hawa di Malaysia menunjukkan minat yang lebih daripada lelaki dalam badminton dengan 25 peratus memilihnya (lelaki 11 peratus), bola jaring 15 peratus (satu peratus), tenis empat peratus (tiga peratus), bola tampar enam peratus (satu peratus), dan renang empat peratus (dua peratus). Lebih kurang 13 peratus wanita meminati bola sepak, tetapi respons bagi gusti ialah kosong peratus.

Tinjauan itu juga mendapati 39 peratus daripada responden Melayu memilih bola sepak, Cina (13 peratus), India dan lain-lain (26 peratus) sementara bagi badminton, Melayu 15 peratus, Cina 22 peratus dan India 19 peratus dan bagi bola jaring Melayu sembilan peratus, Cina, India dan lain-lain masing-masing dua peratus.

UIAM menjalankan tinjauan secara berjadual terhadap pelbagai isu untuk meninjau pendirian rakyat Malaysia terhadap pelbagai isu dan citarasa mereka.

-- BERNAMA  
PR MFJ ROS